

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, izinkan saya untuk menjawab soalan ini secara bersekali dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh 5 Ahli Yang Berhormat lain yang telah menyentuh isu yang sama berkaitan Latihan Khidmat Negara (PLKN). Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan ialah :

YB Tanah Merah tarikh soalan pada hari ini, soalan no. 77

YB Bagan Serai pada tarikh 19 Mac 2014

YB Jelebu pada tarikh 20 Mac 2014

YB Sabak Bernam pada tarikh 25 Mac 2014

YB Bukit Gantang pada tarikh 7 April 2014

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan YB Paya Besar, YB Tanah Merah dan YB Sabak Bernam dan YB Jelebu suka cinta saya ingin menjelaskan disini bahawa kerajaan sememangnya sentiasa berusaha memantap dan menambahbaik kurikulum Latihan Khidmat Negara bagi mencapai objektif utama Latihan Khidmat Negara iaitu:

- 1. Berusaha melahirkan generasi muda yang memiliki jadidiri, daya kepemimpinan dan nilai-nilai yang positif.**
- 2. Menjana semangat patriotisme dan kecintaan kepada negara.**
- 3. Memupuk semangat perpaduan kaum, agama dan intergrasi nasional.**
- 4. Menanamkan semangat dan amalan kesukarelawan.**

Keempat-empat objektif ini melalui modul pembinaan kerektor, modul kenegaraan, modul fizikal dan komuniti. Transformasi dan penambah baikkan mengikut perkembangan semasa supaya ianya terus relevan dan memberi manfaat maksimum kepada generasi muda yang terlibat. Misalnya dalam memantapkan semangat patriotisme, Sub Modul Malaysia Berdaulat telah diperkenalkan. Bagi menjana semangat kesukarelawan, Briged Sukarelawan Khidmad Negara (BSKM) telah ditubuhkan dan digerakkan menjadi sukarelawan pada SUKMA ke 17 tahun 2014 di Perlis yang melibatkan 1000 orang. Melibatkan diri dalam kempen keselamatan jalan raya dimusim perayaan dan menjadi sukarelawan dalam Promosi Tahun Melawat 2014 sempena Tahun Melawat Malaysia dengan menempatkan mereka di pusat kraftangan dalam jangkamasa tertentu untuk melayan pelancong. Bagi menyuburkan jati diri bangsa dan negara Malaysia, Prinsip-Prinsip Rukun Negara, sejarah dan kenegaraan serta

memupuk perpaduan yang ditetapkan dalam pelbagai aktiviti ceramah dan syarahan serta persembahan bersama.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menentukan keberkesanan perlaksanaan latihan Khidmat Negara pula, JLKN sentiasa melakukan kaji selidik di setiap siri latihan tamat. Manakala kajian komprehensif telah diadakan pada tahun 2009 dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melibatkan pelbagai sampel dengan jumlah responden seramai 61,950 orang. Hasil kajian berkenaan mendapati tahap pencapaian keberkesanan program adalah sangat memuaskan dengan purata 85%. Melalui Kajian ini dengan sendirinya menolak dakwaan bahawa program ini tidak bermanfaat dan di tegaskan juga peruntukan yang dibelanjakan adalah berpatutan dan berbaloi.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan cadangan YB Bagan Serai untuk mewajibkan semua belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyertai PLKN, cadangan ini adalah sesuatu yang baik tetapi akan melibatkan penambahan kos perbelanjaan yang lebih besar dan mengambil kira kapasiti kem sekarang yang tidak mencukupi. Setakat ini daripada lebih kurang 550,000 kelahiran setahun hanya sebanyak 150,000 orang yang mendapat peluang mengikuti PLKN

Berkaitan dengan usaha JLKN untuk meningkatkan kefahaman kepada ibubapa dan pelajar, JLKN sentiasa melaksanakan promosi dalam pelbagai dimensi seperti melalui ‘road show’, hebahan media elektronik dan cetak, media sosial dan aktiviti turun padang YB Menteri Pertahanan, saya sendiri dan Pengerusi PLKN serta pegawai-pegawai tertinggi JLKN.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pertanyaan YB Bukit Gantang berkaitan bilangan kem PLKN, sukacita dimaklumkan sehingga kini terdapat sebanyak 81 buah kem PLKN diseluruh negara.

SOALAN (6)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah lif yang mendapat sijil perakuan bomba dan tidak mendapat sijil perakuan di setiap negeri, aduan lif rosak, kematian dan kecederaan berpunca darinya sepanjang 3 tahun lalu.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) tidak bertanggungjawab di dalam mengeluarkan Sijil Mesin Angkat (PMA). Ianya adalah di bawah seliaan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia.

Berdasarkan maklumat daripada JKKP, jumlah bilangan lif penumpang yang telah mendapat Sijil Perakuan Kelayakan di Malaysia bagi tahun 2011 adalah sebanyak 40,669 unit diikuti dengan tahun 2012 sebanyak 43,904 unit dan tahun 2013 sebanyak 46,675 unit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemeriksaan lif penumpang ini adalah bertujuan memastikan pemilik mematuhi peruntukan perundangan Akta Kilang dan Jentera 1967 agar lif penumpang berada dalam keadaan selamat sebelum Sijil Perakuan Kelayakan dikeluarkan. Walau bagaimanapun, lif penumpang yang dimiliki oleh Angkatan Tentera

Malaysia adalah dikecualikan di bawah Akta ini. Di bawah Akta ini juga, semua lif penumpang perlu diperiksa setiap 15 bulan sekali.

Tuan Yang DiPertua,

Sijil Perakuan Bomba ialah sijil yang dikeluarkan oleh pihak bomba bagi memperakui sesebuah premis yang ditetapkan selamat dan mempunyai kemudahan keselamatan, pencegahan kebakaran dan perlindungan kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2012 JBPM telah menerima sebanyak **1,344 kes** panggilan kecemasan yang berkaitan dengan lif (lif tersangkut) pada **tahun 2012**. Daripada jumlah kes itu, sebanyak 2,675 orang mangsa berjaya diselamatkan oleh Bomba, bagaimanapun dalam proses menyelamat yang dijalankan terdapat 3 kes kecederaan dan 1 kematian.

Manakala bagi tahun 2013 pula, terdapat 1,628 kes melibatkan 4 orang cedera serta 1 kematian. Jumlah mangsa yang berjaya diselamatkan adalah 3,124 orang.

Untuk tahun ini sehingga Februari 2014, terdapat 266 kes melibatkan 494 orang telah berjaya diselamatkan dan 1 kes cedera serta tiada kes kematian dicatatkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014